

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 4 JANUARI 2023
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 34

Anak syarikat Petronas Gas anugerah kontrak RM230 juta

Anak syarikat Petronas Gas anugerah kontrak RM230 juta

PETALING JAYA: Kejuruteraan Asastera Berhad melalui anak syarikat milik penuhnya, KAB Energy Holdings Sdn. Bhd. (KABEH) memperoleh Surat Anugerah daripada Regas Terminal (Lahad Datu) Sdn. Bhd. (RGTLTD), anak syarikat milik penuh Petronas Gas Berhad (PGB) untuk Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan dan Pentauliahan (EPCC) loji kuasa 52 megawatt (MW) dan kemudahan yang berkaitan

dengannya di Sabah, bernilai RM230 juta.

Loji janakuasa itu akan ditempatkan di Taman Perindustrian Minyak dan Gas Sipitang dan akan menjadi satu-satunya sumber bekalan tenaga kepada projek gas asli cecair terapung (ZLNG) Petronas yang akan datang.

Loji ZLNG dijadual menjadi kemudahan gas asli berham-piran pantai pertama di Sabah dengan kapasiti minimum dua

juta tan setahun.

Pengarah Urusan Kejuruteraan Asastera Berhad, Datuk Lai Keng Onn berkata, kejayaan mendapatkan projek ini dari pada PGB menggunakan inisiatif tenaga lestari KAB yang dilaksanakan sejak 2019.

"Kami berbesar hati dipilih oleh PGB sebagai rakan teknikal strategiknya. Setelah siap, loji jana kuasa itu akan menjadi loji enjin gas tunggal terbesar di negara dan berfungsi sebagai

sumber kuasa penting untuk loji ZLNG Petronas yang akan datang.

"Tambahan pula, kajian kebolehlaksanaan bersama kami dengan PGB menunjukkan bahawa loji jana kuasa itu boleh mencapai pengurangan karbon yang ketara.

"Kami komited kepada hubungan berterusan dengan PGB untuk memastikan kejayaan menyiapkan loji janakuasa ini, sambil

menyumbang kepada agenda kelestarian negara," katanya dalam kenyataan.

Kerja-kerja EPCC untuk loji kuasa akan bermula pada suku kedua 2023 dan disasarkan siap pada suku pertama 2026.

Bahagian Penyelesaian Tenaga Lestari (SES) KAB mempunyai rekod prestasi yang kukuh di seluruh penjanaan dan sisa kepada loji pemulihran haba, serta sistem fotovoltaik solar (PV).